

27/10/2002

Kita tidak mahu askar Australia dan kita jadi sasaran

#### KATA HIKMAH HUJUNG MINGGU

Kikis sifat hasad dengki

Kikislah sindrom dan sifat hasad dengki sesama sendiri - sebangsa, seagama dan sebudaya - yang telah melengahkan kita mencapai matlamat nasional. Capailah PhD yang sebenarnya!

Basmilah sikap "sudah takdir", "cukuplah dengan apa yang ada dan tercapai (rezeki, pendidikan dan lain-lain)".

Rahsia Kejayaan: jujur akui kelemahan yang ada dan berani memperbaikinya, berusaha setekun mungkin bagi mengatasinya. Batu pun kalau diketuk selalu akan pecah juga atau sekurang-kurangnya lekuk.

AMAT wajar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak campur tangan tentera mana-mana negara termasuk Australia, kononnya bagi menolong (melalui kerjasama) memerangi keganasan di negara kita.

Sebab pertama: penempatan soldadu Australia atau askar asing lain akan menjadikan mereka sasaran pengganas. Negara kita sekarang aman sentosa nanti kerana kehadiran tentera asing kita pulak segera terdedah kepada tindakan pengganas.

Perdana Menteri Australia, John Howard, naib penghulu Amerika Syarikat (AS) di wilayah Asean, dan pengkritik Malaysia, berkata tentera negaranya "mungkin dihantar ke Indonesia atau negara lain di rantau Asean bagi memerangi pengganas" sambil menegaskan Australia akan meningkat belanja pertahanannya berikutan peristiwa ngeri di Bali, 12 Oktober lalu.

Saya tidak tahu keperluan negara-negara jiran tetapi seperti ditegaskan oleh Dr Mahathir kita mampu menangani masalah pengganas sendiri. Rekod cemerlang kita diiktiraf dunia. Semoga kita kekalkan rekod ini, maka berwaspadalah kita sentiasa tentang gerakan-gerakan antinasional ini.

Malaysia telah menahan golongan militan yang mengancam keselamatan dan perpaduan negara - ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sebelum tragedi 11 September lagi. Kalaulah tidak kerana insiden itu, Dr Mahathir akan dikecam seteruk-teruknya oleh media Barat, kumpulan pejuang Hak Asasi Manusia dan pemerintah mereka kerana melakukan apa yang wajib untuk mengekalkan kesejahteraan rakyat dan keamanan.

Kerana itu, Dr Mahathir dipuji, diburu dan disanjung (sebab kepentingan keamanan dan strategik mereka). Dr Mahathir telah bak kata Mat Salleh - tertebus (redeemed).

Masakan kita atau negara-negara jiran mesti mengikut nafsu dan keinginan Howard, menerima saja? Kalau Indonesia menyambut kehadiran tentera Australia - mayat Presiden Sukarno dan Dr Hatta bak kata Mat Salleh akan bergolek dalam kubur mereka - terkejut! Saya yakin puteri Sukarno - Megawati tidak akan mencoreng arang pada wajah bangsanya dan merosakkan memori rakyat nusantara terhadap bapanya.

Kita telah pun lihat kehadiran tentera Amerika Syarikat di Selatan Filipina tidak menyelesaikan problem pengganas di sana bahkan meningkatkan lagi tahap keganasan dan bahayanya. Saya yakin kehadiran tentera asing di Indonesia (kecuali di Singapura) akan menimbulkan tindak balas yang lebih buruk lagi daripada insiden di Bali.

Sebenarnya kalau sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tidak boleh memelihara keamanan dalam negara dan terpaksa meminta bantuan pasukan keselamatan asing lebih baiklah negara itu kembali di jajah semula!

Misi baru Bumiputera baru

Kita dulu masyarakat tani (kais pagi makan pagi, kais petang makan

petang) tetapi setelah Dasar Baru Ekonomi (DEB) dilancarkan, Melayu sudah mulai boleh bersaing dengan orang lain. Bangsa kita telah banyak menunjukkan bakat, kemajuan kita ketara di setengah bidang tetapi termundur di majoriti kegiatan sektor moden dan canggih. Cabaran di hadapan sekarang ialah tingkatkan daya saing kita!

Mesti menguasai teknologi maklumat (IT) dan tribahasa: bahasa ibunda dan Inggeris. Pilih satu antara bahasa-bahasa ini - Mandarin, Arab, Sepanyol, Jerman dan Jepun sebagai bahasa ketiga. Inilah misi teragung kita dua dekad ke depan.

Tanpa dapat mengejar kecemerlangan, saya takut mahu melihat masa depan bangsa kita. Memang Melayu tidak akan hilang di dunia tetapi Melayu corak apa dan bertahap apa dan berpendidikan apa?

Kalau kita tidak berjaya meningkatkan daya saing kita sukar untuk kekal relevan dan berkuasa dalam zaman ekonomi desa global yang didorong oleh sains dan teknologi.

Poligami, bini banyak!

Sebelum perkataan poligami dipopularkan, di Kelantan siapa yang melakukannya dikatakan sebagai "berbini banyak". Waktu itu si miskin pun berpoligami kerana tiada kebenaran diperlukan daripada Majlis Agama Islam Kelantan atau sesiapaapun. Kerana itu situasi dieksploitasikan. Ada kala dijadikan seolah "kahwin kontrak" sahaja. Lazimnya bagi musim yang pendek.

Dulu dan kini angka cerai-berai di Kelantan tertinggi begitu juga bilangan kehadiran ibu tunggal.

Kalau anda berkaraoke dan berkelab malam di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar lain, majoriti hostess atau pelayan atau apa yang digelar GROs terdiri daripada mek mek Kelantan yang rata-rata comel molek dan muda belaka. Terdapat juga antaranya lulus maktab dan institusi pendidikan tinggi.

Di Kelantan tiga ahli politik didenda kerana berpoligami tanpa berdaftar di Kelantan.

Paling minimum dua orang menteri berbini lebih daripada satu dan ramai politikus pula ada "girl friends". Walaupun saya tidak gemar pada poligami, saya mesti membela mereka yang mahu berpoligami kerana itu dibenarkan oleh agama, asalkan mereka benar-benar jujur serta bersikap adil. Bisa anda adil? No way, kata Mat Salleh.

Bezanya antara bini tua dan bini muda mengikut seorang yang berbini dua iaitu seolah makan kelapa kering berbanding makan kelapa muda, tambah lagi seolah makan daging panggang liat berbanding makan daging panggang anak lembu.

Bermadahlah pula seorang kenalan Mat Salleh kepada saya, minum air anggur tua (bini tua), lebih sedap daripada minum jus anggur dara (bini muda). Benarkah? Saya tidak tahu!